PENILAIAN

Lengkapkan petikan dengan perkataan yang sesuai. Kemudian, jawab soalan.

dijaga	bergambar	terpelihara
cemari	masukkan	pengusaha
tumbuhan		

Pada cuti sekolah yang lalu, Encik Jamil membawa keluarganya ke Keningau, Sabah. Di Kota Kinabalu, Encik Jamil menyewa sebuah kereta Proton X70.

"Tolong _____ semua beg kita ke dalam kereta," kata Encik Jamil kepada anak-anaknya.

Selepas itu, Encik Jamil memandu kereta dengan berhati-hati kerana kawasan itu berbukit bukau. Keluarga Encik Jamil sangat gembira apabila melihat keindahan Sabah dengan pokok-pokok yang menghijau.

Semasa melalui Banjaran Crocker, mereka teruja. Kawasan itu tetap _____ kerana hutan simpanan di situ _____ dengan baiknya. Cuaca di sana sejuk kerana dipenuhi _____ hijau.

Seterusnya, mereka dapat melihat beberapa inap desa yang dibina di lereng bukit. _____ mengekalkan pokok-pokok di lereng bukit semasa membina inap desa itu. Keunikannya telah menarik perhatian mereka. Encik Jamil _____ dengan anak-anaknya di situ.

"Usah kamu _____ alam ini. Kita mestilah menjaga alam sekitar kita supaya sentiasa cantik," nasihat Encik Jamil kepada anak-anaknya sebelum sampai di Keningau, Sabah.

1. Bilakah Encik Jamil membawa keluarganya ke Keningau?
   A. hari minggu
   B. cuti sekolah
   C. hari Ahad
   D. hari sekolah

2. Apakah yang menyebabkan Encik Jamil dan keluarganya sangat gembira?
   A. melihat keindahan Sabah
   B. lereng bukit
   C. alam sekitar cantik
   D. memandu kereta

3. Bagaimanakah pengusaha inap desa mengekalkan keindahan alam?
   A. mengekalkan gunung-ganang
   B. mengekalkan inap desa
   C. mengekalkan pokok-pokok
   D. mengekalkan [illegible]

LIVEWORKSHEETS